

04/08/2000

Sheikh Hasina akhiri lawatan

LANGKAWI, Khamis - Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina Wajed mengakhiri lawatan rasmi empat hari ke negara ini hari ini selepas melawat Dataran Lang, antara mercu tanda pulau peranginan ini.

Beliau berlepas pulang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Padang Matsirat dengan pesawat khas, kira-kira jam 12.54 tengah hari ini.

Turut hadir mengucapkan selamat jalan ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, beberapa Exco kerajaan negeri dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian yang juga Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib.

Terdahulu, beliau dan rombongan mendengar taklimat mengenai pembangunan Langkawi di Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) yang disampaikan oleh Timbalan Pengurus Besar, Mohd Puat Ali.

Hadir sama, Pengurus Besar Lada yang baru, Datuk Zainal Karib Abdul Rahim dan Pegawai Daerah Langkawi, Ismail Abdul Hamid.

Ketika menyampaikan taklimat, Mohd Puat mengalu-alukan kehadiran pelabur Bangladesh ke Langkawi untuk melabur dalam bidang berkaitan pembangunan hotel, perniagaan dan marina.

Semalam, Sheikh Hasina meluangkan masa mengunjungi Galeria Perdana yang menyimpan koleksi cenderamata kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Makam Mahsuri dan pusat membuat kristal, LangkawiiCrystaal Sdn Bhd.

(END)